

Pemandu Grab cabul penumpang kena 41 bulan

BERITA HARIAN 3/4/18 M/S 20

Ampang: Mahkamah Majistret di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara 41 bulan ke atas pemandu GrabCar (Grab) atas tiga pertuduhan mencabul, mengugut dan mencederakan seorang penumpang wanitanya, tahun lalu.

Majistret Haslinda A Raof menjatuhkan hukuman itu terhadap Muhamad Izuwan Kamaruddin, 39, selepas tertuduh menukar pengakuannya kepada bersalah pada hari pertama perbicaraan kes itu.

Bagi pertuduhan mencederakan mangsa, tertuduh dihukum penjara 12 bulan, bagi pertuduhan mencabul kehormatan mangsa, dia dihukum penjara 14 bulan dan pertuduhan mengugut mangsa pula, tertuduh dihukum penjara 15 bulan.

Tidak diwakili peguam

Mahkamah memerintahkan ketiga-tiga hukuman itu berjalan berasingan bermula dari tarikh jatuh hukum, menjadikan tertuduh perlu dipenjara selama 41 bulan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon mahkamah memberi hukuman serentak kepadanya atas alasan isterinya baru keguguran anak kedua, selain menjaga ibunya yang sakit tua.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Raihanah Abd Razak memohon mahkamah memberi hukuman setimpal kerana kegagalan tertuduh mengawal nafsunya menyebabkan pengadu kes ini menjadi mangsa.